



TATACARA GUGUR/TAMBAH KURSUS SEMESTER KEDUA SESI 2020/2021 (A202)

Tarikh: 14 Mac 2021 – 18 Mac 2021
Kaedah: Secara Dalam Talian (Portal Pelajar)
<http://register.uum.edu.my>

1. Minggu Gugur/Tambah Kursus Semester Kedua Sesi 2020/2021 akan dilaksanakan secara dalam talian melalui : <http://register.uum.edu.my> .

2. **Gugur/Tambah Kursus Secara Dalam Talian mulai (14 Mac 2021 – 18 Mac 2021):**

Semua pelajar aktif adalah layak untuk membuat Gugur/Tambah Kursus Secara Dalam Talian seperti Jadual berikut:-

SEMESTER SEMASA	TEMPOH GUGUR/TAMBAH				BIL. HARI
	TARIKH MULA	MASA MULA	TARIKH AKHIR	MASA AKHIR	
7 ke atas	14 Mac 2021	12.00 tengah hari	15 Mac 2021	10.00 pagi	1 hari
5 dan 6	15 Mac 2021	12.00 tengah hari	16 Mac 2021	10.00 pagi	1 hari
3 dan 4	16 Mac 2021	12.00 tengah hari	17 Mac 2021	10.00 pagi	1 hari
1 dan 2	17 Mac 2021	12.00 tengah hari	18 Mac 2021	10.00 pagi	1 hari

3. **Gugur/Tambah Kursus di Pusat Pengajian mulai (14 Mac 2021 – 18 Mac 2021):**

HANYA PELAJAR-PELAJAR BERIKUT SAHAJA DIBENARKAN untuk mendaftar di Pusat Pengajian:-

- i) Pelajar yang mendapat status Lulus Bersyarat/Mengulang/Gagal tetapi dipanggil semula;
 - ii) Pelajar yang menangguhkan pengajian (bagi semester sebelumnya).
4. Pelajar yang mempunyai **TUNGGAKAN HUTANG** sehingga semester **A201 TIDAK DIBENARKAN** membuat gugur/tambah kursus. Gugur/tambah kursus hanya dibenarkan sekiranya tunggakan hutang berkenaan dijelaskan sepenuhnya dan pembayaran **TUNGGAKAN HUTANG** perlulah dijelaskan dalam tempoh minggu pertama semester A202 sahaja.
 5. Universiti memberi kelonggaran kepada pelajar **pelajar tempatan yang berhutang TIDAK melebihi RM1, 500.00** untuk membuat gugur/tambah kursus.
 6. Pelajar Antarabangsa perlu menyelesaikan semua hutang sebelum dibenarkan untuk membuat gugur/tambah kursus.
 7. Ketetapan ini adalah selaras dengan peruntukan Peraturan Pengajian untuk Program Sarjana Muda Perkara 8.2 dan 8.3 dalam Buku Panduan Akademik yang menetapkan:

Perkara 8.2:

“Seorang pelajar boleh dihalang daripada mendaftar untuk semester berikutnya jika beliau tidak menjelaskan mana-mana bayaran yang diperlukan kepada Universiti”

Perkara 8.3:

“Pelajar yang tidak mendaftar kursus selepas minggu kedua pada setiap semester akan digugurkan dari senarai nama pelajar berdaftar UUM.”

8. **PELAJAR ANTARABANGSA** perlu menyelesaikan yuran bagi **semester A201** dalam tempoh **ENAM PULUH (60) hari** dari tarikh semester bermula. Sekiranya gagal berbuat demikian, status pelajar akan diubah kepada '**TANGGUH PENGAJIAN**' secara automatik. Caj Yuran Pengajian akan dibatalkan manakala Caj Yuran Perkhidmatan masih dikekalkan.
9. Sepanjang Minggu Gugur/Tambah Kursus, Jadual Waktu Kuliah boleh dicapai di dalam portal masing-masing.
10. Permohonan untuk mengambil kursus melebihi 22 jam kredit (tertakluk kepada kekosongan tempat) boleh dipohon dengan cara mengisi borang permohonan di dalam **Sistem U-Assist** mulai **14 Mac 2021(Ahad) – 18 Mac 2021 (Khamis)**. Sebarang penambahan kursus melebihi 22 jam kredit adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - i) Pelajar semester akhir **SAHAJA**;
 - ii) PMK terakhir adalah 2.50 dan ke atas;
 - iii) Lebihan jam kredit hanya 3 kredit sahaja (menjadikan jumlah kredit 25 jam/semester);
 - iv) Tertakluk kepada kekosongan tempat;
 - v) Bayaran dikenakan sebanyak RM40.00 untuk 1 jam kredit (bayaran dijelaskan selepas permohonan diluluskan).
11. Permohonan Kursus Audit (tertakluk kepada kekosongan tempat) boleh dibuat dengan cara mengisi borang permohonan di dalam **Sistem U-Assist** mulai **14 Mac 2021(Ahad) – 18 Mac 2021 (Khamis)**. Tiada bayaran dikenakan.

Arahan:

Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Akademik
Universiti Utara Malaysia